

**SULIT**

---



Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2019/2020

Disember 2019 / Januari 2020

### **HKT508 - Teori dan Kritikan Sastera dan Media Baru**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab hanya **EMPAT (4)** soalan. Jawab DUA (2) soalan daripada Bahagian A dan DUA (2) soalan daripada Bahagian B.

...2/-

**SULIT**

- 2 -

Bahagian A

1. Bincangkan kesan media dan teknologi terhadap TIGA aspek penelitian kesusasteraan iaitu, penciptaan, representasi dan apresiasi.

[100 markah]

2. Empat teori sastera yang asas tidak lagi mampu membincangkan karya-karya kesusasteraan elektronik yang berbeza daripada kesusasteraan bercetak. Sehubungan itu, teori media dan teknologi diperlukan. Merujuk kepada sebuah cereka interaktif yang bertajuk "Prominence", bincangkan keperluan teori sastera yang kelima itu untuk memahami teks tersebut.

[100 markah]

3. Jelaskan maksud kritikan fitrah dan prinsip-prinsipnya. Dengan menggunakan kritikan ini, bincangkan persoalan fitrah yang diperkatakan dalam novel Hamka yang bertajuk *Di Bawah Lindungan Ka'abah* (1938). Sebagai sebuah karya sastera yang baik, novel ini tidak dapat dianggap sebagai sebuah khutbah (syaranan yg berisi ajaran atau nasihat mengenai agama). Bagaimana kritikan fitrah dapat membuktikannya.

[100 markah]

Bahagian B

4. Pembinaan teori sastera mandiri masih terikat dengan wacana teori sastera Barat khususnya daripada aspek pengarang, karya dan khalayak. Pada pandangan anda, apakah langkah-langkah yang sewajarnya dijalankan supaya bentuk dan struktur teori sastera mandiri lebih sistematik, komprehensif dan bersifat ketimuran? Sertakan contoh-contoh yang sesuai sebagai pengukuran perbincangan.

[100 markah]

...3/-

- 3 -

5. Kedua-dua watak utama dalam cerpen “Kalbu” (1974) karya Sasterawan Negara Shahnon Ahmad dan cerpen “Sunat” (1978) karya Pramoedya Ananta Toer berdepan dengan persekitaran yang berbeza, namun alam fantasi dan ilusi telah meletakkan watak Sdr.T dan Mamuk dalam situasi yang sama. Berdasarkan zon-zon psikik dalam bacaan psikoanalisis Sigmund Freud, bandingkan bagaimana kedua-dua pengarang ini mengakhiri fantasi dan ilusi watak-watak tersebut.

[100 markah]

6. Kritikan eko-feminis bukan hanya setakat menjelaskan, “both women and nature must be respected”, tetapi juga menitibatkan persoalan “oppression, domination, exploitation and colonization of all marginalized groups”, berpunca daripada kerakusan, sikap dan tindakan masyarakat patriarkal. Bincangkan persoalan ini berdasarkan novel *Harga Sebuah Maruah* (2008) karya Azizi Hj. Abdullah.

[100 markah]

- oooOooo -